



BERHATI-HATI GUNA RAKIT: Kanak-kanak tidak menghiraukan bahaya bermain rakit menyusuri banjir kilat akibat limpahan air Sungai Perak di Kampung Kuala Kinta dekat Kampung Gajah, semalam.

BH 28/10/2006

# 200 keluarga belum rasa nikmat Aidilfitri

## Banjir gugat sambutan raya apabila rumah ditenggelami air

Oleh Ahmad Naim Tahir,  
Johari Ibrahim, Mustafa Ngah  
Mansor dan Azhar Hashim

**K**AMPUNG GAJAH: Hampir 200 keluarga di daerah ini belum merasai nikmat Aidilfitri tahun ini kerana rumah mereka ditenggelami banjir kilat sejak 1 Syawal lalu.

Banjir kilat sedalam satu hingga 1.5 meter itu dipercayai berpunca daripada limpahan tiga sungai termasuk Sungai Perak selepas air takungan di Empangan Chenderoh dekat sini dilepaskan kerana melebihi paras bahaya.

Berikutan itu, air dari Sungai Perak mengalir masuk ke dua sungai lain iaitu Sungai Kinta dan Sungai Terus di sini menyebabkan tebing kedua-dua sungai berkenaan turut ditenggelami air.

Antara kampung terbabit adalah Kampung Pulau Gajah, Kuala Kinta,

Seberang Terus, Pulau Besar dan Pulau Juar dalam mukim Pasir Panjang Ulu serta Kampung Biak, Selat Pulau dan Kepala Pulau dalam mukim Pasir Salak.

Selain itu, Kampung Ayer Mati, Padang, Pasir Jenderis, Bandar Tua dan Pebayan dalam mukim Kampung Bandar turut dinaiki air dalam banjir kilat yang bermula Selasa lalu.

Sehubungan itu, Ketua Pergerakan Pemuda Umno negeri, Zainol Fadzi Paharuddin mengambil langkah segera melancarkan Tabung Bantuan Banjir Kilat bagi membantu mangsa semalam.

"Kutipan akan kami serahkan ke Pejabat Daerah Kampung Gajah untuk diselaraskan dengan beberapa bantuan lain," katanya selepas meninjau kawasan terbabit di sini, semalam.

Zainol Fadzi yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Bahagian Pasir Salak meminta semua penduduk ber-

jaga-jaga dan sentiasa mendapatkan maklumat terkini mengenai banjir kilat di kawasan mereka.

"Walaupun ada sesetengah penduduk yang enggan berpindah ke kawasan penempatan sementara dengan alasan rumah mereka tinggi (bertiang), mereka perlu berbuat demikian jika keadaan semakin serius," katanya.

Di ALOR STAR, keadaan banjir di dua daerah di Kedah iaitu Kota Star dan Pendang semakin pulih dengan jumlah mangsa ditempatkan di pusat pemindahan sementara berkurangan.

Jumlah mangsa yang masih berada di 17 pusat pemindahan di Kota Star kini berkurangan kepada 1,112 membabitkan 282 keluarga berbanding 1,132 daripada 284 keluarga kelmarin.

Sementara di Pendang, 209 mangsa daripada 47 keluarga masih ditempatkan di pusat pemindahan di Kompleks Rakan Muda Pendang tetapi air Su-

ngai Pendang semakin surutrut.

Di TAMPIN, lebih 20 mangsa jir dari Keru Hilir, dekat sini y dipindahkan ke surau kampung kerana selepas kawasan kediaman mereka dinaiki banjir, kelmarin dah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Jurucakap Ibu Pejabat Polis daerah (IPD) Tampin, berkata ser lapan keluarga berkenaan dibenarkan pulang tengah hari semalam ikutan banjir di penempatan masing-masing sudah surut.

"Walaupun air surut sejak semalam (kelmarin), mereka tidak dibenarkan pulang kerana kita r nantikan kampung terbabit dilanda banjir mula berikutan cuaca tidak menentu. Jadi, mereka hanya pulang ter hari ini (semalam)," katanya.

Mangsa banjir dari kampung terbabit, termasuk 12 kanak-kanak dipindahkan kira-kira jam 1 pagi kelmarin.